

## pascasiswazah

Oleh Faizatul Farhana  
Farush Khan

ffarhana@bh.com.my

► Serdang

**B**agi melahirkan lebih ramai tenaga pakar dalam sektor perladangan, Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan program pengajian pascasiswazah dalam bidang Pengurusan Perladangan Lestari.

Dikendalikan Institut Kajian Perladangan (IKP) UPM, program disediakan secara mod penyelidikan itu ditawarkan untuk pengajian Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Program bermatlamat melahirkan graduan berkemahiran tinggi, memiliki kefahaman mendalam dan mampu memberi sumbangan signifikan kepada proses adaptasi amalan lestari.

Pengarah IKP, Prof Datin Dr Siti Nor Akmar Abdullah, berkata mahasiswa akan diterapkan dengan ilmu pengurusan ladang mesra alam sekitar, pengendalian perubahan cuaca, menangani masalah pencemaran, cakna terhadap isu kelestarian dan perubahan sikap penggiat bidang perladangan.

"Kemahiran dimiliki nanti, bukan sahaja mampu memastikan pertambahan hasil berterusan, tidak merosakkan alam sekitar, kecekapan penggunaan air, kawalan pencemaran, malah mampu membawa bidang berladangan negara untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

"Graduan juga akan dilengkapi dengan kefahaman berhubung keseimbangan pembangunan pertanian yang menggabungkan



Prof Dr Siti Nor Akmar (dua kiri) bersama pelajar dari Kenya, Sulaiman Rufai Babura (kiri) ketika melakukan uji kaji jenis tanah di rumah hijau Institut Kajian Perladangan UPM.



Prof Dr Siti Nor Akmar (kanan) bersama pelajarannya melakukan ujikaji DNA daun.

# Lahir pakar sektor pengurusan ladang

keuntungan ekonomi, mesra alam sekitar dan tanggungjawab sosial," katanya ketika ditemui di IKP di sini, baru-baru ini.

## Skeptikal masyarakat

Beliau berkata, skeptikal masyarakat bahawa bidang perladangan tidak menjamin peluang pekerjaan secara meluas tidak tepat.

Antara organisasi itu adalah Lembaga Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Sime Darby, FELDA Global Ventures, Genting Plantations Berhad dan Tabung Haji Plantations Berhad.

Siti Nor Akmar berkata, mahasiswa program itu ditawarkan dengan kemudahan pengajian, termasuk makmal penyelidikan bagi memastikan mereka boleh mengikuti silibus seperti ditetapkan.

"Tenaga pengajar terdiri daripada pensyarah dalam kalangan penyelidik IKP yang memiliki kepakaran berhubung bidang pengajian ditawarkan, sekali gus mampu memenuhi keperluan dan persoalan pelajar," katanya.

## Pakar topik

IKP, katanya, mempunyai dua laborator

yang memperolehi CGPAS 2.75 ke atas, permohonan masih boleh dibuat dengan syarat memiliki pengalaman kerja minimum tiga tahun. Pemohon bagi pengajian peringkat PhD program itu, perlu mempunyai sarjana sains dengan penyelidikan dalam bidang berkaitan dan memperoleh CGPA sekurang-kurangnya 3.00.

Calon yang memiliki sarjana tanpa penyelidikan juga boleh dipertimbangkan kemasukan mereka melalui syarat CGPA sekurang-kurangnya 3.5 dan gred B+ untuk projek.

Bagi mengikuti Sarjana Pengurusan Perladangan Lestari, pemohon perlu mempunyai ijazah sarjana muda sains daripada universiti yang diiktiraf dengan purata nilai gred kumulatif (CGPA) sekurang-kurangnya 3.00, manakala bagi mereka

yang memperoleh CGPAS 2.75 ke atas, permohonan masih boleh dibuat dengan syarat memiliki pengalaman kerja minimum tiga tahun.

Calon yang memiliki sarjana tanpa penyelidikan juga boleh dipertimbangkan kemasukan mereka melalui syarat CGPA sekurang-kurangnya 3.5 dan gred B+ untuk projek.

info

## Pengurusan Perladangan Lestari

→ Tahun 2018 UPM memperkenalkan program pengajian Pengurusan Perladangan Lestari